


**UiTM SARAWAK
CELEBRATES SUCCESS
AT THE INVENTION,
INNOVATION AND
DESIGN COMPETITION,
2009**

PG. 22

PG. 7

**MAT BERHORMAT KE
PEHIN SRI HAJI ARDU**



**Majlis Perasmian Masjid
Al Qarrawiyyin Oleh YAB
Pehin Sri Ketua Menteri**

PG. 10



**Forum Pasca Pilihan Raya
ke 12**

■ **UiTM Sarawak
Conference** PG. 4
2008

■ **Diploma Show:
Pelajar Grafik**
PG. 34

■ **UiTM Sarawak At
The International
Level** PG. 40

KURSUS PEMANDU CEMERLANG

Disediakan oleh: Fazilawati Othman



Dari barisan kiri En. Ahmad Lotfi dan barisan tengah Prof. Madya Dr. Jamil Hj. Hamali bersama para peserta yang menjalani Kursus Pemandu Cemerlang di Kampus Kota Samarahan, UiTM Sarawak

Kursus Pemandu Cemerlang telah diadakan pada 12 hingga 15 Mei 2008 yang lepas bertempat di Kampus Kota Samarahan, UiTM Sarawak. Kursus ini telah jayanya dirasmikan oleh Prof. Madya Dr. Jamil Hj Hamali, selaku Pengarah Kampus UiTM Sarawak.

Objektif kursus ini diadakan adalah untuk memberi pendedahan dan pemahaman tentang ciri-ciri bagaimana menjadi seorang pemandu cemerlang serta kaedah untuk mempertingkatkan perkhidmatan pemandu.

Kursus ini telah disertai seramai 50 orang peserta daripada Unit Kenderaan UiTM Shah Alam. Program ini telah dijalankan selama 4 hari berturut-turut yang telah dianjurkan oleh Pengurusan Hal Ehwal Pelajar UiTM Shah Alam. Semoga kursus ini menjadi satu motivasi atau inspirasi kepada para pemandu untuk meningkatkan prestasi kerjaya mereka.


Bengkel edUtorium: Parametric and Non Parametric Statistical Test in Research

Disediakan oleh: Lau Ung Hua



Para peserta memberi perhatian penuh berkenaan penggunaan STesTMAP

Buat julung julung kalinya, kumpulan penyelidik STesTMAP telah berjaya menjalinkan kerjasama dengan Nanyang Technological University (NTU) di Singapura untuk mengadakan Bengkel edUtorium: Parametric and Non Parametric Statistical Test in Research sebagai salah satu daripada bengkel latihan staff NTU. Bengkel ini telah diadakan selama dua hari pada 27-28 November 2008 dan telah dihadiri oleh seramai 37 ahli akademik dan para penyelidik NTU.



Cik Lau Ung Hua mengendalikan salah satu sesi dalam bengkel.

Bengkel ini telah dikendalikan oleh kumpulan penyelidik yang terdiri daripada En. Foo Kien Kheng, Cik Lau Ung Hua dan Dr. Tang Howe Eng. Dalam bengkel ini, para peserta telah didedahkan dengan pelbagai ujian-ujian parameterik dan bukan parameterik dalam pengujian hipotesis dan pemilihan ujian-ujian menggunakan pakej STesTMAP yang dihasilkan oleh kumpulan STesTMAP.

Selain itu, beberapa isu berkenaan miskonsepsi dalam pengujian hipotesis turut diperbincangkan.



Kumpulan penyelidik yang terdiri daripada En Foo Kien Kheng (Ahli Penyelidik), Dr Tang Howe Eng (Ketua Penyelidik) dan Cik Lau Ung Hua (Timbalan Ketua Penyelidik)

Memandangkan peserta-peserta bengkel ini sebahagian besarnya terdiri daripada kumpulan Profesor, Professor Madya dan Doktor Falsafah, ia telah membawa kepada satu sesi perbincangan yang bernas berkenaan topik yang diutarakan, di samping menghasilkan jalinan perkongsian maklumat (engaged dissemination) yang bermakna bagi kedua-dua pihak. Susulan daripada bengkel ini, peluang kolaborasi terbuka antara penyelidik UiTM dengan NTU dalam bidang statistik gunaan, selaras dengan hala tuju UiTM ke arah pengantarabangsaan.



Universiti Teknologi MARA Sarawak,
Jalan Meranek, 94300 Kota Samarahan.
Peti Surat 1258, 93912 Kuching,
Sarawak, Malaysia.
Tel: 082-677 200 Faks: 082-677 300

<http://www.sarawak.uitm.edu.my>



UNIVERSITI
TEKNOLOGI MARA
SARAWAK